

30/08/2003

Prosedur rumit menyusahkan isteri keluar simpanan ASB suami

Jamin Zainuddin

SEBAGAI bekalan hari tua, kerajaan mewajibkan potongan gaji untuk dicarumkan ke dalam dana Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP).

Kerajaan turut menggalakkan rakyat menabung dan berbelanja bagi merangsang kegiatan ekonomi.

Bahkan kerap kali, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat menambah tabungan di institusi kewangan dan menjauhi sikap menyimpan di bawah bantal.

Dengan ini, kerajaan mewujudkan pelbagai institusi saham amanah yang ditugaskan menguruskan dana awam contohnya Perbadanan Nasional Berhad (PNB).

Berdasarkan keadaan ini, PNB mewujudkan tabungan Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Malangnya, tanpa disedari atau tidak, bukan mudah bagi waris untuk membuat tuntutan terhadap simpanan oleh pendeposit yang meninggal dunia.

Terlalu banyak prosedur remeh dan merumitkan perlu ditempo. Mungkin kenyataan ini sukar diterima, tetapi ia tetap berlaku.

Ia ditambah dengan majoriti pendeposit yang kurang memahami prosedur itu.

Pengalaman isteri sahabat saya membuat tuntutan simpanan ASB suaminya yang meninggal dunia amat mendukacitakan.

Pegawai ASB meminta beliau mengemukakan pengesahan waris di tiga institusi pilihan sama ada di Mahkamah Tinggi, Pejabat Tanah atau Amanah Raya disebabkan simpanan arwah suami melebihi RM5,000.

Selepas proses itu, dokumen pengesahan diserahkan kepada ASB dan dibawa ke Ibu Pejabat ASB Kuala Lumpur untuk proses selanjutnya.

Proses itu mengambil masa enam bulan sedangkan beliau amat memerlukan wang itu. Kenapa masalah ini berlaku? Apakah ertinya simpanan jika tidak tidak boleh digunakan pada waktu diperlukan?

Berdasarkan penjelasan perit isteri sahabat saya dan sebagai pendeposit ASB, saya ke pejabat ASB untuk mendapat penjelasan.

Saya diberitahu jika pendeposit tidak ada penama lain, tuntutan perlu menggunakan hukum faraid. Persoalannya kenapa simpanan di Tabung Haji dan KWSP menggunakan sistem penama?

Apakah institusi ini tidak menggunakan sistem faraid? Jawapannya terserah kepada pembaca untuk memikirkannya.

Yang menariknya, tuntutan penama daripada simpanan Tabung Haji dan KWSP dibereskan dalam tempoh sebulan.

Justeru, saya mencadangkan pihak terbabit agar dapat mengkaji semula sistem tuntutan terhadap simpanan pendeposit yang meninggal. Belajarlah daripada sistem KWSP dan Tabung Haji.

Jamin Zainuddin,
Kuantan.